

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 24/02/2018

Majlis Penutup Pertandingan Boling Piala Ketua Setiausaha Negara dan Pertandingan Boling Persahabatan Pesara 2018 serta Pertandingan Badminton Piala YDP PUSPANITA

Bismillahirrahmanirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

[SENARAI VIP AKAN DIKEMUKAKAN PADA HARI SEBENAR]

Yang Berbahagia Puan Sri Datuk Seri Rohani Abdullah, Yang DiPertua PUSPANITA

Ahli-Ahli Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA

Ahli-ahli PUSPANITA

Pegawai-pegawai kanan dan seterusnya para peserta Pertandingan Boling Piala KSN dan Pertandingan Boling Persahabatan Pesara Tahun 2018 serta Pertandingan Badminton Piala YDP PUSPANITA Tahun 2018

.PENDAHULUAN

1. *Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah subhanahuwatalla kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bagi menjayakan Pertandingan Boling Piala KSN dan Pertandingan Boling Persahabatan Pesara Tahun 2018 serta Pertandingan Badminton Piala YDPPUSPANITA. Acara ini dianjurkan secara bersama oleh PUSPANITA Kebangsaan, Biro Sukan, Biro Kesihatan, Biro Kebajikan, Biro Pesara dan Tabung Latihan dan Agama PUSPANITA dengan sokongan Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.*

2. *Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, semua pemain dan tetamu yang hadir bagi memeriahkan pertandingan boling dan badminton pada hari ini. Komitmen dan penglibatan saudara dan saudari sekalian dari seluruh Malaysia terutamanya pesara-pesara amat saya hargai dan syabas diucapkan.*

KEPENTINGAN BERSUKAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. *Program sebegini amat bersesuaian dalam mencungkil bakat-bakat dalam bidang sukan yang secara tidak langsung menaikkan nama PUSPANITA ke persada sukan negara.*
4. *Saya amat menyokong penuh usaha-usaha menggerakkan aktiviti berbentuk kesukanan, kecergasan dan kesihatan seumpama ini selain dapat merapatkan silaturahim di antara kita semua.*
5. *Justeru, pertandingan persahabatan yang melibatkan para pesara juga merupakan platform terbaik untuk berhubung dan mengekalkan hubungan baik dengan penjawat awam yang sedang berkhidmat.*
6. *Semoga semangat kesukanan ini tidak hanya terbatas dalam pertandingan ini sahaja, malah ia seharusnya dijadikan aktiviti seharian bagi memupuk amalan gaya hidup yang sihat dalam kalangan kita supaya dapat berkhidmat dengan lebih proaktif.*

PERTANDINGAN BADMINTON PIALA YANG DIPERTUA PUSPANITA & KARNIVAL SUKAN TAHUNAN PUSPANITA

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. *Pada hari ini juga telah diadakan serentak **Pertandingan Badminton Piala Yang Dipertua PUSPANITA** di mana pertandingan badminton ini telah diperkenalkan bermula*

tahun 2016. Saya lihat saban tahun ada peningkatan dalam penyertaan peserta dan sambutan amat menggalakkan. Syabas PUSPANITA.

8. Saya difahamkan esok pula akan diteruskan dengan **Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA** bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Kejiranan Presint 11 dan juga Kompleks Sukan Pancarona, Presint 18 yang akan melibatkan lebih 1,000 peserta bagi pertandingan futsal, bola jaring, aerobikton, indoor games dan sukaneka kanak-kanak.

SEMANGAT BERPASUKAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Saya amat berbangga dan terharu melihat keceriaan dan semangat yang ditunjukkan oleh para peserta dalam menjayakan ke semua program sukan bermula hari Khamis yang lalu hingga esok.
10. Kemenangan bukanlah objektif utama yang dikejar, tetapi **semangat kesukanan** dan **ikatan persaudaraan** yang terjalin antara kita adalah amat penting untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan bersama.
11. Saya juga melihat program sebegini mampu membuka ruang dan peluang kepada mana-mana pihak untuk menjalin kerjasama strategik bersama PUSPANITA pada masa akan datang.

PENUTUP

12. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan ingin saya ucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya kepada pihak penganjur di atas kejayaan penganjuran program sukan

berskala besar sebegini. Tahniah saya ucapkan kepada para pemenang dan kepada yang tidak berjaya, jangan putus asa dan berusaha lagi pada tahun hadapan.

13. Dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim, saya merasmikan penutupan *Pertandingan Boling Piala KSN dan Pertandingan Boling Persahabatan Pesara Tahun 2018 serta Pertandingan Badminton Piala YDP PUSPANITA* pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19229/Mailis-Penutup-Pertandingan-Boling-Piala-Ketua-Setiausaha-Negara-dan-Pertandingan-Boling-Persahabatan-Pesara-2018-serta-Pertandingan-Badminton-Piala-YDP-PUSPANITA>